

GSM dinaik taraf

» **PUTRA melangkah ke hadapan dengan falsafah "Human Governance"**

Putra Business School (PUTRA) sebelum ini dikenali sebagai *Graduate School of Management* (GSM) Universiti Putra Malaysia, kini telah dinaik taraf daripada sebuah fakulti menjadi universiti berautonomi sepenuhnya.

PUTRA merupakan satu-satunya sekolah perniagaan dan pengurusan di Malaysia dan yang keenam di Asia Tenggara menerima akreditasi AACSB — *The Association to Advance Collegiate Schools of Business*.

Ini bermakna pelajar lulusan PUTRA diiktiraf sebagai telah mengikuti proses pengajian setanding dengan sekolah perniagaan lain di dunia yang mendapat pengiktirafan AACSB seperti *Harvard Business School, London Business School, Wharton, University of Warwick* dan *Yale*.

Kenaikan taraf GSM menjadi PUTRA dilakukan dengan menubuhkan Yayasan Putra Business School, sebuah syarikat berhad menurut jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 untuk mentadbir PUTRA.

Dengan kedudukan unik sebagai institusi swasta tetapi ditadbir oleh yayasan yang tidak bermotifkan keuntungan.

PUTRA mempunyai ruang untuk bergerak dengan autonomi sepenuhnya tetapi berpaksikan kepentingan awam.

Menurut Presiden PUTRA, Prof Dr Arfah Salleh, PUTRA merupakan institusi yang berlitzam untuk menyumbang kepada pembangunan potensi insan, bakal pemimpin untuk negara.

"Seseorang pemimpin perniagaan ataupun organisasi

“SESEORANG PEMIMPIN PERNIAGAAN ATAU PERNIAGAAN SWASTA MAUPUN KERAJAAN BUKAN SEKADAR PERLU MEMPUNYAI KECEKAPAN TEKNIKAL TETAPI YANG LEBIH PENTING, MEMPUNYAI NILAI-NILAI KEJNSANAN.”

*Prof Dr Arfah Salleh,
Presiden PUTRA*

swasta maupun kerajaan bukan sekadar perlu mempunyai kecekapan teknikal tetapi yang lebih penting, mempunyai nilai-nilai keinsanan.

"Justeru, pelajar perlu dididik kembali untuk mengamalkan "adab" yang sepatutnya merupakan teras budaya dan amalan ketimuran," katanya.

Hakikatnya, PUTRA ingin membawa pelajarnya kepada paradigma asal yang telah hilang, – salah satunya termasuk penolakan falsafah reduksionisme dan pandangan alam mengenai realiti yang terhad hanya kepada yang nyata.

"PUTRA percaya bahawa untuk berjaya dan berkhidmat kepada masyarakat, pemimpin perniagaan perlu dipupuk sebagai insan menyeluruh berlandaskan



falsafah "Human Governance," katanya.

Malah beliau juga yakin dengan pengisian dan mesej yang dibawa oleh PUTRA. Bagi beliau, apa yang lebih penting adalah kandungan program yang ditawarkan dan bukan nama yang baru. "PUTRA bertanggungjawab mendidik pelajar dengan

ilmu yang sebenar dan menyeluruh.

Tugas PUTRA dipermudahkan kerana kini prinsip asas fizik kuantum membawa balik pandangan alam tidak nyata (non-material) selari dengan ajaran agama dan kepercayaan Timur," katanya.